

Meliputi bantuan kewangan, perubatan dan dialisis untuk fakir miskin

RM300 juta buat asnaf di Selangor

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Lebih RM300 juta diperuntukan setiap tahun bagi agihan zakat kepada asnaf, fakir dan miskin di Selangor.

Timbalan Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf Lembaga Zakat Selangor (LZS), Md. Yusmizan Yusof berkata, ini meliputi bantuan kewangan bulanan lebih RM200 juta dan selebihnya adalah untuk bantuan perubatan serta dialisis.

Kata beliau, pihaknya secara berterusan menjejaki golongan tersebut dengan sasaran sebanyak 12,000 asnaf baharu pada tahun ini.

“Pada tahun ini, kita sasar 12,000 asnaf baharu dengan hampir 10,000 telah disantuni menerusi kerjasama pelbagai agensi termasuk skuad jejak kemiskinan yang diwujudkan di setiap masjid dan daerah di Selangor.

“Kita juga ada 1,800 penolong amil kariah yang turut membantu mencari asnaf ini sama ada di bandar atau luar bandar agar tiada sesiapa tercicir,” katanya ketika ditemui selepas menyampaikannya bantuan LZS kepada lima bekas kakitangan media, di sini



MD. YUSMIZAN (tengah) bersama penerima bantuan daripada bekas kakitangan media semalam.

semalam.

Jelas Md. Yusmizan, pelbagai faktor menjadi penyebab seseorang itu menjadi asnaf pada ketika ini termasuk dibuang kerja dan tahap kesihatan mereka yang menurun.

“Kita akan semak bagi tentukan hanya layak menerima bantuan LZS dengan had kifayah kita adalah sebanyak RM2,990. Sekiranya layak, kita akan menyalurnya bantuan asas termasuk kewangan dan tempat tinggal mereka,” ujarnya.

Seorang penerima bantuan, Norehan Mohd. Sani, 60, mengakui terharu dengan bantuan tersebut yang dapat membantunya dalam kelangsungan hidup terutama selepas bergelar orang kelainan upaya.

“Kaki kanan saya terpaksa dipotong dari bawah lutut pada tahun lalu selepas menghidap kencing manis dengan pergerakan kini banyak bergantung kepada kerusi roda.

“Syukur Alhamdulillah, orang masih menyayangi kita. Ini adalah terapi terbaik dalam menaikkan semula semangat saya untuk berjuang dalam hidup selepas berhenti kerja pada tahun 2007,” ujarnya.